

TRENDING

NASIONAL

14 agensi kerajaan dianugerahkan sijil pematuhan SAGA

BERNAMA

November 28, 2024 @ 12:31am

Service no longer available





Akauntan Negara, Nor Yati Ahmad (depan tiga, kanan) dan Pengarah Bahagian Khidmat Perunding Jabatan Akauntan Negara Mohd Azraai Md Aznan (depan tiga, kiri) bergambar bersama penerima anugerah pada Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA (MASS) Tahun 2024 di sebuah hotel hari ini.

KLANG: Sebelas badan berkanun Persekutuan dan tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) dianugerahkan Sijil Pematuhan Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (SAGA) oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA (MASS) 2024 malam ini.

Antara penerima anugerah bagi 2023 dan 2024 itu ialah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, Universiti Sains Islam Malaysia, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.



[Learn more](#)

Selain itu, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Majlis Daerah Tanah Merah, Universiti Utara Malaysia, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, Universiti Malaysia Sabah, Majlis Perbandaran Pekan, Majlis Daerah Pendang dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Akauntan Negara Malaysia, Nor Yati Ahmad dalam ucapannya berkata dari 2010 hingga kini sebanyak 115 atau 26 peratus daripada 434 agensi kerajaan telah dianugerahkan Sijil Pematuhan SAGA.

ADVERTISING



BLACK FRIDAY
UP TO 42% OFF
SELECTED MACHINE BUNDLES

SHOP NOW



 Nespresso - Sponsored

Shop Nespresso Black Friday Deals – Limited Time!

The wait is over. Nespresso's Black Friday Day Sale is here!

Nespresso

[Complete](#)

Beliau berkata JANM juga akan melakukan semakan semula pematuhan di agensi yang telah memperoleh sijil berkenaan bagi memastikan semua kriteria sentiasa dipatuhi sekali gus memastikan kualitinya terpelihara.

"Penganjuran Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SeGAC) akan diadakan secara dwitahunan bertujuan memberikan pendedahan dan perkongsian maklumat mengenai perkembangan teknologi terkini bagi sistem kewangan serta perakaunan berkomputer yang memenuhi kriteria pematuhan SAGA.

"Selain itu, ia menjadi platform jalinan rangkaian sosial antara agensi kerajaan dan JANM bagi berkongsi

Pembangunan berkenaan merangkumi sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang dibangunkan secara dalaman atau *Commercial Off-The-Shelf* (COTS) serta sistem sokongan berkaitan data kewangan yang berintegrasi dengannya.

Turut dianugerahkan sijil penghargaan pada majlis malam ini ialah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Selain itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Komunikasi, Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

RELATED ARTICLE



LAIN-LAIN (BISNES)

Mohammad Faiz Azmi dilantik Pengerusi Eksekutif baharu SC



NASIONAL

Siasatan kes pengengaruh seleweng dana awam hampir selesai - Azam Baki